

ANALISIS FAKTOR TINGKAHLAKU BERKOMUNIKASI,  
KEMAHIRAN GENERIK DAN KAEDAH PEMBELAJARAN  
KOLABORATIF DI KALANGAN PELAJAR IPTA MALAYSIA

ABDULLAH SANI BIN KAMALUDDIN

DOKTOR FALSAFAH  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA

2006



**ANALISIS FAKTOR TINGKAHLAKU BERKOMUNIKASI,  
KEMAHIRAN GENERIK DAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOLABORATIF  
DI KALANGAN PELAJAR IPTA MALAYSIA**

**ABDULLAH SANI BIN KAMALUDDIN**

**Tesis Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat  
Untuk Ijazah Doktor Falsafah  
Di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia**

**Mac 2006**

**i**

**1100054029**

Kejayaan ini juga dikamukakan kepada Senat Kolej Universiti Sains  
dan Teknologi Malaysia sebagai memikul tanggungjawab untuk  
menyokong dan membina.

KUASA PIMPINAN TINGGI DAN BERSAMA SAMA  
MELAKSANAKAN VISI DAN MISI KOLEJ UNIVERSITI SAINS  
TEKNOLOGI MALAYSIA MELALUI PELAJAR IPTA MALAYSIA

ABDULLAH BARI BIN KAMALISOM

Mac 2010

*Khas untuk ibu tersayang, Hajjah Rokiah binti Abdullah*

*Isteri tercinta, Azizun binti Hassan*

*Serta anak-anak yang dikasihi Mohd Hafiz, FarahMazlina, Mohd Faiz,*

*Mohd Fahmi dan NorFadhilah*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**ANALISIS FAKTOR TINGKAHLAKU BERKOMUNIKASI,  
KEMAHIRAN GENERIK DAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOLABORATIF  
DIKALANGAN PELAJAR IPTA MALAYSIA**

**ABDULLAH SANI BIN KAMALUDDIN**

**Mac 2005**

**Pengerusi : Profesor Dato' Sulaiman Md Yassin, Ph.D**  
**Ahli-Ahli : Profesor Madya Wan Salihin Wong Abdullah, Ph.D**  
**Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin, Ph. D**  
**Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang dominan lagi bermakna dalam tingkahlaku berkomunikasi, kemahiran generik dan pembelajaran kolaboratif mengikut dimensi pelajar iaitu bangsa, jantina, aliran dan CGPA di institusi pengajian tinggi awam di Semenanjung Malaysia. Sampel seramai 659 para pelajar dari 4 buah universiti dan 1 kolej universiti telah dipilih untuk tujuan kajian.

Analisis Faktor Penerokaan (*Exploratory Factor Analysis*) ke atas 120 item berskala *Likert* dibuat secara berasingan iaitu 30 item bagi tingkahlaku berkomunikasi, 60 item bagi kemahiran generik dan 30 item bagi pembelajaran kolaboratif. Ianya telah berjaya menerbitkan 15 faktor-faktor yang dominan dan bermakna seperti huraian di bawah :

Bagi tingkahlaku berkomunikasi ianya menerbitkan 5 faktor iaitu (i) Mencari Ketenangan (ii) Memberi Galakkan (iii) Inginkan Bantuan (iv) Menghindarkan Diri (v) Keseronokan.

Kemahiran Generik pula berjaya menerbitkan 7 faktor yang terdiri daripada (i) Kemahiran Berfikir (ii) Kemahiran Beretika dan kesabaran (iii) Kemahiran Berorganisasi (iv) Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan (v) Kemahiran Berkomputer (vi) Kemahiran Menyelesaikan Masalah (vii) Kemahiran Berkomunikasi Secara Lisan dan Menulis.

Manakala bagi pembelajaran kolaboratif ianya berjaya memperoleh 3 faktor iaitu (i) Keyakinan (ii) Minat (iii) Kefahaman

Kebolehpercayaan faktor-faktor tersebut telah didapati mempunyai Alpha *Coefficient* yang tinggi di antara 0.75 dan 0.90. Dengan Ujian-t ke atas faktor-faktor terbabit menunjukkan dalam tingkahlaku berkomunikasi mengikut dimensi bangsa muncul tiga faktor yang signifikan iaitu Inginkan Bantuan, Menghindarkan Diri dan Keseronokkan. Dimensi jantina pula muncul tiga faktor yang signifikan iaitu (i) Memberi Galakkan, (ii) Inginkan Bantuan dan Menghindarkan Diri. Dimensi aliran muncul hanya dua faktor saja yang signifikan iaitu (i) Mencari Ketenangan dan (ii) Inginkan bantuan. Manakala dimensi CGPA, analisis ujian-t menunjukkan hanya dua faktor sahaja yang signifikan iaitu (i) Inginkan Bantuan dan (ii) Menghindarkan Diri.

Bagi faktor-faktor kemahiran generik pula ujian-t menunjukkan dimensi bangsa muncul hanya satu 1 sahaja faktor yang signifikan itu (i) Kemahiran berkomunikasi Secara Lisan dan Menulis. Bagi dimensi mengikut jantina terdapat lima 5 faktor yang signifikan iaitu (i) Kemahiran Berfikir (ii) Kemahiran Masalah dan Kemahiran Berkomunikasi Secara Lisan dan Menulis. Manakala mengikut dimensi aliran pula terdapat (7) Faktor yang signifikan iaitu (i) Kemahiran Berfikir (ii) Kemahiran Beretika dan Kesabaran (iii) Kemahiran Berorganisasi (iv) Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan (v) Kemahiran Berkomputer (vi) Kemahiran Menyelesaikan Masalah dan (vii) Kemahiran Berkomunikasi secara Lisan dan Menulis. Bagi dimensi CGPA pula hanya 1 sahaja Faktor yang signifikan iaitu Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan.

Bagi faktor-faktor pembelajaran kolaboratif pula, ujian-t menunjukkan dimensi mengikut bangsa muncul 3 Faktor yang signifikan iaitu (i) Keyakinan, (ii) Minat dan (iii) Kefahaman. Manakala dimensi mengikut jantina terdapat 3 Faktor yang signifikan iaitu (i) Keyakinan (ii) Minat dan (iii) Kefahaman. Bagi dimensi mengikut aliran hanya 1 sahaja Faktor yang signifikan iaitu (i) Minat. Manakala bagi dimensi mengikut CGPA hanya (1) sahaja Faktor yang signifikan iaitu Minat.

Kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor penentu dan bermakna dalam tingkahlaku berkomunikasi, kemahiran generik dan pembelajaran kolaboratif

perlu diketengahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi serta Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Ini dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam membentuk para pelajar cara berkomunikasi dengan lebih baik, efisien dan beretika, dapat menilai dan memberi kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh mempertingkatkan kualiti pelajar dalam kemahiran generik serta memperkenalkan kaedah belajar dalam kumpulan yang lebih bersistematik.